

22.2.2021_ Harian Metro MOSTI_312,390 Dos Mendarat



1

VAKSEN Pfizer-BioNTech tiba pada jam 10.07 pagi di Kompleks Kargo KLIA, semalam.



2

5

PUSKES pemindahan vaksin yang ditempatkan dalam ULD dari bahagian kargo pesawat dititah ke trak DHL Express.

312,390 DOS MENDARAT

Pesawat MH604 bawa vaksin Covid-19 pertama diluluskan PBKD dan NPRA

Sepang

Vaksin Covid-19 yang ditunggu-tunggu untuk melindungi penduduk di Malaysia, selamat tiba apabila pesawat khas yang membawa kumpulan pertama vaksin Pfizer-BioNTech selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, pagi semalam.

Pesawat MH604 dengan hiasan livery Jalur Gemilang sebagai simbolik bahawa vaksin itu adalah untuk rakyat Malaysia, membawa 312,390 dos vaksin Covid-19 mendarat pada jam 10.07 pagi.

Dihendahkan MAB Kargo Sdn Bhd (MABKargo) iaitu cabang kargo syarikat penerbangan nasional Malaysia Airlines Bhd, penerbangan Passenger-to-Cargo (P2C) itu menggunakan pesawat Airbus 330-300

bagi membawa vaksin Covid-19 itu.

Sebaik mendarat, proses pemindahan vaksin yang ditempatkan dalam peranti muatan unit (ULD) dari bahagian kargo pesawat ke trak milik sebuah syarikat logistik, DHL Express berlangsung di kawasan Advanced Cargo Centre (ACC), KLIA.

Antara yang hadir menyaksikan detik bersejarah ketibaan vaksin itu adalah Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba, Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Khairy Jamaluddin dan Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Wee Ka Siong.

Selepas proses pemindahan, trak syarikat logistik itu diiringi Polis

1,051

Bilangan kematian sehingga Sabtu lalu

ke Singapura untuk pengedaran ke negara-negara Asia Pasifik lain termasuk Malaysia.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mewakili kerajaan Malaysia memeterai perjanjian dengan Pfizer (Malaysia) Sdn Bhd pada 11 Januari lalu (2021) untuk pembelian vaksin Pfizer-BioNTech itu, setelah memulakan perbincangan pada penghujung tahun 2020.

Vaksin Pfizer-BioNTech adalah vaksin pertama yang memperoleh kelulusan bersejarah daripada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) dan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) pada 8 Januari lalu.

Ketibaan kumpulan pertama vaksin Covid-19 itu meruncitkan momentum Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan iaitu program vaksinasi terbesar di negara ini yang akan bermula Rabu ini.

Program imunisasi itu dibahagikan kepada tiga fasa dengan yang pertama bermula 26 Februari hingga April 2021, membabitkan petugas barisan hadapan sektor awam dan swasta serta petugas dalam perkhidmatan penting dan pertahanan serta keselamatan.

Fasa kedua bermula April hingga Ogos 2021, bagi baki petugas kesihatan serta dalam perkhidmatan penting dan pertahanan, kumpulan bertukar tingginya ialah warga emas berusia 60 tahun ke atas dan kumpulan rentan dengan masalah morbiditi serta golongan orang kurang upaya (OKU).

Fasa ketiga pula bermula dari Mei 2021 hingga Februari 2022, untuk golongan dewasa berusia 18 tahun ke atas - warganegara dan bukan warganegara, dengan keutamaan kepada mereka yang berada dalam zon merah, diikuti zon kuning dan hijau.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menawarkan diri untuk menerima suntikan vaksin berkenaan pada hari pertama pelaksanaan program itu pada Rabu ini bersama-sama petugas barisan hadapan.

Program vaksinasi terbesar dengan tema Lindung Diri, Lindung Semua adalah strategi kerajaan untuk memastikan sebanyak mungkin penduduk di Malaysia menerima vaksin Covid-19 bagi menyelamatkan nyawa.

Sejak pandemik itu dilaporkan di Malaysia pada 25 Januari 2020, sebanyak 1,051 kes kematian dilaporkan di negara ini akibat Covid-19 setakat Sabtu (20 Februari). Virus itu dilaporkan sudah menjangkiti 260,277 orang, dengan 244,773 pesakit sudah sembuh.

